

PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN SURAT KEBENARAN MENGAJAR (PERMIT MENGAJAR) BAGI INSTITUSI PENDIDIKAN KERAJAAN

1. Borang permohonan ini hendaklah diisi dengan lengkap dan dikembalikan kepada PENDAFTAR GURU-GURU NEGERI SELANGOR dalam **2 SALINAN**.
2. Kelayakan minima adalah mempunyai **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau yang setaraf.
3. Perkara yang perlu disertakan dengan borang permohonan :
 - 3.1 **Dua (2) keping gambar berwarna pemohon berukuran pasport (4cmx5/2)** dan di belakang gambar hendaklah dicatatkan nama dan nombor kad pengenalan/ passport pemohon. Gambar “instant” tidak dibenarkan. Masukkan gambar tersebut ke dalam plastik jernih dan dikepilkankan pada borang permohonan.
 - 3.2 Salinan **Kad Pengenalan, Pasport, Sijil Kerakyatan** (jika ada), Sijil Persekolahan dan sijil Akademik hendaklah diperakukan oleh Guru Besar / Pengetua Institusi Pendidikan.
 - 3.3 Bayaran RM 40.00 (Fi proses dan permit mengajar) hendaklah dibuat melalui **Wang Pos Malaysia/ Bank Deraf atas nama AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-KPM-T** yang sah lakunya tidak kurang 3 bulan dari tarikh permohonan.
 - 3.4 Borang pemeriksaan kesihatan (*tarikh pemeriksaan tidak lewat setahun*).

INGATAN BAGI PENGETUA

Pengetua hendaklah menyemak dengan teliti Nombor Kad Pengenalan, Surat Beranak, Sijil-Sijil Kelulusan dan sebagainya.

AMARAN

HUKUMAN ADALAH DITENTUKAN DI BAWAH SEKSYEN 122, AKTA PELAJARAN 1961 BAGI SESIAPA YANG DENGAN SENGAJANYA MEMBERI KENYATAAN YANG MENGELIRUKAN, KENYATAAN-KENYATAAN YANG SALAH/ PALSU ATAU MENINGGALKAN MAKLUMAT/ PERKARA YANG PATUT DIBERITAHU SEMASA MENGISI BORANG PEMOHONAN INI.

ARAHAN KEPADA PENYELARAS PRAKTIKUM IPTA/S

1. Pastikan kesemua borang dilengkapkan sebelum dihantar kepada Pendaftar bersama surat rasmi permohonan.
Borang permohonan perlu disusun mengikut senarai semak yang disertakan.
2. Permohonan permit mengajar perlulah melalui universiti/ institusi sahaja.
3. Pastikan semua maklumat yang dicatatkan dalam borang permohonan/ data excel adalah betul dan tepat kerana sebarang pembetulan akan dikenakan fi proses semula.
(Isi semua maklumat dalam **HURUF BESAR**)
4. Permohonan permit perlulah dibuat 2 bulan sebelum pelajar ke sekolah.
5. Bayaran boleh dibuat secara tunai/ bank deraf/ wang pos di kaunter hasil JPN Selangor.
Bayaran melalui wang pos perlu disertakan **SALINAN ASAL**.